



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Kerajaan Pakatan Harapan Berjaya Memenuhi Kesemua Komitmen Kewangan Bulanan Khususnya Pembayaran Gaji Dan Pencen Penjawat Awam, Termasuk Pembayaran Bonus Berjumlah RM8 Bilion Meskipun Hanya Ditinggalkan RM450 Juta Oleh Kerajaan Barisan Nasional Yang Terdahulu.

Akauntan Negara Malaysia, Datuk Saat Esa telah mengesahkan bahawa hanya wang dalam Akaun Hasil Disatukan sahaja boleh digunakan untuk perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dan bukannya dari Kumpulan Wang Disatukan. Beliau juga telah mengesahkan bahawa hanya RM450 juta sahaja tinggal di dalam akaun tersebut pada 30 April 2018, iaitu sebelum Barisan Nasional menyerahkan kuasa kepada Pakatan Harapan pada 9 Mei 2018.

Walau bagaimanapun, ada pihak tertentu yang masih lagi percaya bahawa kerajaan lama Barisan Nasional telah menyerahkan Kerajaan Persekutuan pimpinan Pakatan Harapan berbilion ringgit di dalam Akaun Wang Tunai pada 30 April, 2018. Malangnya, ini tidak benar. Bukan semua wang yang berada di dalam Akaun Tunai boleh digunakan untuk perbelanjaan Kerajaan.

Akaun Tunai dan juga Akaun Pelaburan membentuk satu gabungan wang tunai (*common pool of cash*) yang dikutip, disimpan dan dilabur untuk tiga akaun yang berasingan, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Oleh itu, bukan semua Akaun Wang Tunai dan Akaun Pelaburan boleh dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan kerana bukan semua wang tersebut tergolong dalam Akaun Hasil Disatukan. Akaun Hasil Disatukan sahaja yang boleh digunakan untuk perbelanjaan Kerajaan Persekutuan.

Kedudukan Akaun Wang Tunai dan Akaun Pelaburan, yang telah dijumlahkan, antara 31 Disember 2017 dan 30 April 2018 adalah seperti berikut:

	31 Dis 2017 (RM bilion) diaudit	31 Jan 2018 (RM bilion) Belum diaudit	28 Feb 2018 (RM bilion) Belum diaudit	31 Mar 2018 (RM bilion) Belum diaudit	30 April 2018 (RM bilion) Belum diaudit
Akaun Wang Tunai	18.06	25.99	24.31	28.39	8.44
Pelaburan	24.12	24.22	24.24	26.84	27.06
JUMLAH	42.18	50.21	48.55	55.23	35.50

Untuk mendapat gambaran sebenar kedudukan Kumpulan Wang Disatukan dengan sepenuhnya, komposisi Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh 31 Disember 2017 sehingga 30 April 2018 adalah seperti berikut:

	31 Dis 2017 (RM bilion) diaudit	31 Jan 2018 (RM bilion) Belum diaudit	28 Feb 2018 (RM bilion) Belum diaudit	31 Mar 2018 (RM bilion) Belum diaudit	30 April 2018 (RM bilion) Belum diaudit
Akaun Hasil Disatukan	11.86	5.73	5.34	3.91	0.45
Akaun Pinjaman Disatukan	33.48	44.39	46.44	52.76	29.21
Akaun Amanah Disatukan	(3.16)*	0.09	(3.23)*	(1.44)*	5.84
Kumpulan Wang Disatukan	42.18	50.21	48.55	55.23	35.50

** Akaun Hasil Disatukan mempunyai baki negatif kerana jumlah yang dipindahkan dari Akaun Pinjaman Disatukan tidak mencukupi untuk mengimbangi defisit Dana Pembangunan yang merupakan sebahagian daripada Akaun Amanah Disatukan.*

Jumlah dalam Akaun Hasil Disatukan telah menurun secara mendadak daripada RM11.86 bilion pada bulan Disember 2017 kepada RM5.73 bilion pada bulan Januari 2018, RM5.34 bilion pada bulan Februari 2018, RM3.91 bilion pada bulan Mac 2018 dan kemudiannya hanya RM450 juta pada April 2018. Ini merupakan pemerosotan sebanyak 96% atau RM11.41 bilion dalam masa 4 bulan. Ini menunjukkan bahawa kerajaan yang terdahulu pimpinan Barisan Nasional telah berbelanja secara berlebihan sehingga berbilion ringgit setiap bulan menjelang Pilihanraya Umum Ke-14.

Kerajaan baharu Pakatan Harapan mengharungi lima bulan yang amat mencabar selepas 9 Mei 2018. Meskipun ditinggalkan dengan RM450 juta oleh kerajaan Barisan Nasional yang lama, kerajaan Pakatan Harapan masih berjaya menunaikan komitmen bulanan kewangan berjumlah RM8 bilion untuk pembayaran gaji dan pencen bulanan penjawat awam, termasuk pembayaran bonus.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
13 Oktober 2018